

## Bab 5: Penutup

Sesungguhnya Maududi adalah antara tokoh reformis dan pejuang kebangkitan Islam yang tersohor di benua kecil India hatta di dunia Islam ini adalah berdasarkan kepada beberapa sebab. Kita dapat lihat bahawa bahagian fikiran dan idea Maududi tentang pembentukan peradaban Islam adalah selari dengan tindakan dan aktiviti-aktiviti beliau terutama sewaktu berjuang menegakkan daulah Islamiah melalui Jama'at-i Islami. Kefahaman yang jelas tentang maksud kehidupan di muka bumi, tujuan dan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah beliau cernakan dalam tulisan-tulisan, ucapan dan diperluas serta dibuktikan dengan tindakan-tindakan beliau memperjuangkan Islam khasnya di Pakistan. Pelbagai cabaran; di tangkap, dipenjara dan ancaman ke tali gantung tidak sedikit pun memudarkan apatah lagi memadamkan semangat beliau untuk menyeru dan memperjuangkan Islam.

Jangkauan dakwah Maududi bukan sahaja terhenti di benua kecil India tetapi melepas sempadan geografi ini dapat dilihat dengan penglibatan beliau di peringkat antarabangsa sama ada melalui ceramah-ceramah, persidangan dan juga sebagai penasihat beberapa badan Islam di luar negara.

Selain itu usaha-usaha perjuangan beliau adalah bersifat fikrah (menyebarluaskan kefahaman Islam). Beliau banyak menulis dalam buku-buku dan hasil karyanya mengenai Islam dalam pelbagai aspek yang merangkumi hal-hal kehidupan sama ada aspek politik, kemasyarakatan, ekonomi, akhlak, kejiwaan dan sebagainya. (Lihat

senarai hasil karya beliau dalam Lampiran B). Beliau turut membicarakan tentang teori-teori kebendaan, berhujah dan mengkritikisme-isme yang menjadi pegangan tamadun Barat hari ini. Beliau turut menjawab persoalan-persoalan generasi muda dengan memberikan jalan penyelesaian dengan mengajak kembali kepada Islam yang kamil dan syamil.

Jamaah yang beliau tubuhkan adalah bersifat haraki (gerakan). Maududi menjadikan usaha-usaha dakwah dan seruannya sesuai dengan realiti semasa. Dengan itu seruannya mendapat sambutan dan tumbuh berkembang dari seluruh lapisan masyarakat daripada golongan ulama, pelajar, golongan profesional, golongan kelas menengah mahupun para petani dan buruh menjadi penyokong dan pendokong gerakan beliau terajui. Masyarakat menjadikan Maududi sebagai contoh ikutan dalam menuju ke jalan Allah dengan menanggung kesusahan dan bersungguh-sungguh untuk membentuk daulah Islamiah.

Pemikiran dan usaha-usaha yang dijalankan oleh Maududi adalah bersumberkan kepada perlumbagaan Islam. Sumber idea dan dakwah yang dilakukan oleh Maududi mantap serta sesuai dengan situasi semasa. Beliau tidak semata-mata bersumberkan kepada hukum syarie sahaja atau menggunakan pendekatan yang berbentuk helah atau tipudaya tetapi beliau menentukan matlamatnya dan berjuang sebagaimana yang terkandung di dalam perlumbagaan Islam yang meliputi sistem perundangan kenegaraan dan segalanya yang lengkap sebagai asas permulaan di dalam membentuk masyarakat Islam.<sup>1</sup>

Maududi lantang dalam memperjuangkan perundangan Islam dalam semua aspek kehidupan sama ada ekonomi, kemasyarakatan, politik, akhlak dan lain-lain. Beliau juga menerangkan kelebihan sistem-sistem tersebut dan keistimewaananya berbanding dengan teori-teori Barat yang bersifat kebendaan seperti kapitalisme, komunisme, nasionalisme dan sebagainya. Beliau turut membicarakan keburukan teori-teori tersebut yang boleh merosakkan akidah individu dan merosakkan agama dan negara. Penjelasan beliau yang nyata, jelas dan mendalam disertakan juga dengan dalil dan contoh-contoh yang berasas untuk membuat perbandingan dalam hujah-hujah yang dikemukakan. Para pengikut beliau juga begitu bangga (izzah) dengan Islam dan sistem perundangan yang lengkap.

Pemikiran dan usaha Maududi dalam menyebarkan Islam juga jelas dan tidak mengelirukan. Walaupun beliau menggunakan pelbagai wasilah dan pendekatan dalam penyebaran dakwah sama ada melalui penulisan, ceramah, persidangan tidak menimbulkan kekeliruan atau pertentangan antara satu sama lain. Kandungan risalahnya semenjak beliau mula menulis pada tahun 1918 sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1979 sedikit pun tidak wujud sebarang pertentangan di dalam penerangannya. Malahan ia menjadi penguat di dalam seruan yang dilakukan.

Pemikiran dan pendekatan Maududi adalah mudah difahami dan dihayati kerana beliau menggunakan sumber dan asas yang sesuai dengan keadaan tanpa memasukkan istilah-istilah yang sukar untuk difahami oleh masyarakat yang terdiri daripada

berbilang latarbelang dan kefahaman. Bahasa yang mudah dan huraian yang disertakan dengan contoh dan dalil sama ada dalil akal atau dalil naqli memudahkan orang ramai untuk memahami ucapan atau tulisan yang beliau kemukakan. Perbahasaan Maududi tentang teori-teori Barat misalnya banyak diselitkan dengan bukti dan hujah yang logik supaya masyarakat dapat memahaminya dengan terbuka.

Seruan yang dibawa oleh Maududi adalah benar dan tulus, terhindar daripada penyelewengan dan pembohongan, kekerasan dan hawa nafsu. Beliau menolak idea-idea musuh dengan penuh hikmah, lemah lembut dan suasana yang selesa. Sehingga sesiap juga yang cuba menghianati akan 'mati akal' untuk berhadapan dengan beliau hatta senjata dan tali gantung pun tidak mengentarkan beliau. Ini kerana beliau telah mewakafkan seluruh jiwa raga dan kehidupannya untuk dakwah Islam (mengajak kepada kebenaran dan mencegah kemungkaran) bagi melihat peradaban Islam kembali gemilang.

Maududi juga menunjukkan kekuatan personaliti dan peribadi yang sukar ditandingi. Kata-kata dan amalan beliau menunjukkan keseimbangan dan keikhlasan tanpa berlebih-lebih dalam sesuatu perkara. Kata-kata beliau adalah selari dengan tindakan yang beliau lakukan.

### **Kritikan Terhadap Maududi**

Sebagai manusia biasa Maududi tidak terlepas daripada menerima kritikan. Terdapat beberapa orang tokoh dan penulis yang mengkritik beliau tentang beberapa aspek

pemikiran beliau yang dianggap longgar dan tidak menjurus. Salah seorang yang mengkritik beliau adalah Sayyid Vali Reza Nasr yang mengatakan bahawa Maududi tidak memperhatikan tentang kerja atau asas ilmiah ekonomi dan hanya lebih cenderung melihat kepada potensi iaitu keefektifan bukan terletak kepada teknik atau operasinya tetapi pada muatan etikanya dan juga tanggungjawab sebuah negara Islam. Ini tidak menghairankan kerana Maududi bukanlah pakar ekonomi yang perlu menerangkan tentang pendekatan ekonomi yang begitu mendetail sehingga kepada tekniknya. Ini tidak wajar. Maududi adalah seorang pendakwah dan reformis yang menyeru manusia kembali kepada mentaati perintah Allah dan tunduk kepada undang-undangNya sebagai mana yang telah ditunjukkan oleh para Rasul dan juga pengikut-pengikutnya. Adakah para Nabi dan Rasul dalam sejarah umat ini mengajarkan teknik-teknik perekonomian? Pakar ekonomi adalah lebih arif dan memahami tentang perkara tersebut. Maududi hanya menerangkan tentang ruang dan batas-batas perekonomian yang dibenarkan oleh syarak.

Salah seorang tokoh ulama yang mengoreksi pemikiran Maududi adalah Al-Sayyid Abu al Hassan Ali Al-Nadwi. Kritikan beliau terhadap Maududi terutamanya adalah daripada buku penulisan Maududi *al-Mustalahah al-Arba'ah fi al-Quran* (empat perkara asas dalam Al Quran). Bagi Al-Nadwi idea-idea yang dikemukakan oleh Maududi adalah terlalu berorientasikan politik sehingga boleh menimbulkan kekeliruan yang serius terhadap tentang hakikat Islam. Permasalahan yang menjadi isu adalah berkisar kepada *hakimiyyatu 'Llah* (hak perundangan Allah s.w.t.) yang ditafsirkan sebagai membawa implikasi bahawa manusia sama sekali tidak

mempunyai ruang untuk membuat peraturan sendiri kerana segala-galanya, kecil dan besar adalah hak mutlak Allah s.w.t sebagai satu-satunya hakim. Membuat peraturan sendiri (dalam bentuk apa sekalipun juga) bererti merampas hak Allah s.w.t dengan implikasi syirik dan terkeluar dari agama. Menurut Al-Nadwi tuhan memberikan ruang yang cukup luas bagi manusia mencipta peraturan sendiri sesuai dengan keperluan mereka dari masa ke semasa dalam hal-hal yang tidak dinaskan Al-Quran dan al-Sunnah.<sup>261</sup> Ustaz Hassan Hudhaibi, Mursyidul Am Kedua Ikhwanul Muslimin sependapat dengan Al-Nadwi mengenai perkara ini. Beliau menjelaskan perkara tersebut dengan panjang lebar di dalam bukunya *Duat La qadah* (Pendakwah Bukan Penghukum).<sup>262</sup>

Menurut Al-Nadwi Maududi terlalu menekankan hubungan hakim-mahkum sebagai hubungan asas antara Tuhan dengan manusia. Bagi Al-Nadwi hubungan Tuhan dengan manusia tidak harus terpusat dan tertumpu hanya pada bentuk hakim-mahkum sehingga mengabaikan bentuk-bentuk hubungan lain yang lebih luas seperti hubungan Khaliq (pencipta) dengan makhluknya dan lain-lainnya. Al-Nadwi mengkhawatirkan andainya pemikiran tersebut berimplikasi seperti yang dimaksudkan oleh ayat "*Dan mereka tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang semestinya*" (Al-An'am: 91). Selain itu mungkin kerana iltizam yang sangat kuat untuk mendirikan pemerintahan Islam, berlaku pula keterlanjuran yang menganggap ibadat asasi seperti sembahyang, puasa, zakat, haji hanya sebagai wasilah, wahana,

<sup>261</sup> Siddiq Fadhil, "al-Sayyid Abu al-Hassan 'Ali al-Nadwi: Tema-Tema Besar Pemikirannya", di dalam *Jurnal Usuluddin*, Universiti Malaya, Bil 11, Rabiul Akhir 1421/Julai 2000, hlm. 138-139.

<sup>262</sup> Lihat buku Hasan Ismail Hudhaibi, **Pendakwah Bukan Penghukum**, terj. Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., Kota Bharu, 1991, hlm. 24-64.

persiapan dan latihan untuk mencapai matlamat mendirikan pemerintahan ketuhanan (al-hukumat al ilahiyyah). Pemikiran ini juga dikoreksi oleh Al-Nadwi dengan menegaskan bahawa ibadat seperti yang disebutkan itu pada hakikanya bukan cuma *wasiyah* (wahana) tetapi adalah *ghayah* (matlamat) yang tersendiri. Ini dibuktikan dengan nas-nas dari Al-Quran dan Al-Sunnah termasuk firman Allah dalam surah al-Hajj ayat 41 yang bermaksud:

*"Mereka yang jika kami teguhkan kedudukan mereka di bumi, mereka mendirikan sembahyang, memunaikan zakat, menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dan kepada Allah jua kembalinya segala urusan".*

Al-Nadwi membuat penelitian dan teguran tersebut atas rasa tanggungjawab dan semangat kecintaan kepada Maududi (teguran ini juga ditujukan kepada Syed Qutb yang mempunyai pandangan yang hampir sama mengenai perkara tersebut). Namun Maududi memberikan reaksi yang begitu menarik untuk direnungkan bersama. Maududi mengucapkan terima kasih atas teguran yang dilakukan dan meminta agar al-Nadwi sudi meneliti tulisan-tulisannya yang lain sambil megatakan "saya tidak dapat berjanji untuk bersetuju sepenuhnya dengan anda tetapi saya pasti akan menelitiinya. Saya tidak pernah menganggap diri saya mengatasi kritikan atau perbezaan pendapat"<sup>263</sup>

Dapat dilihat di sini kritikan yang dilakukan oleh para ulama tersebut terhadap Maududi adalah suatu kritikan yang membina dalam keadaan mereka saling memahami tentang tuntutan *akidah minasihah* (agama itu nasihat) dan juga memahami adab berselisih pendapat dalam sesuatu perkara. Mereka membawa hujah

¶

<sup>264</sup> Ibid hlm. 139

yang tersendiri dalam menyatakan buah fikiran yang bersumberkan Al-Quran dan Al-Sunnah

Selain itu juga Maududi dan perjuangannya bersama Jama'at dilihat gagal dalam beberapa siri pilihanraya umum Pakistan. Ini memang suatu kenyataan. Kegagalan ini dilihat agak menonjol kerana Jama'at banyak menggunakan wadah politik dalam perjuangannya. Sebab-sebab kegalannya berpunca daripada pelbagai faktor antaranya kelemahan di dalam strategi. Ini kerana Jama'at kurang menumpukan perhatian kepada pengundi bawahan dan massa. Sokongan kuat didapati dengan banyaknya dari golongan intelek namun di dalam pilihanraya undi majoriti adalah diutamakan berbanding dengan sokongan golongan berpendidikan.

Selain daripada itu manifesto yang tidak berkesan kerana tidak menunjukkan keupayaan Jama'at menyediakan keperluan asasi seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya antara sebab kekurangan sokongan massa. Orientasi keahlian yang mengutamakan kualiti daripada kuantiti seperti yang dinyatakan oleh Maududi di awal penubuhan Jama'at-i Islami turut menjadikan pendokong yang benar-benar memperjuangkan idealisma Jama'at adalah terhad berbanding majoriti rakyat.

Namun begitu telah beliau berjaya mengemukakan pemikiran peradaban yang bernas berdasarkan Al-Quran dan Al-Sunnah dengan mengetengahkan perbincangan-perbincangan yang mendasar dan mendetail tentang peradaban. Beliau menggunakan 'premis tauhid' sebagaimana tokoh-tokoh pemikir dan pejuang Islam abad 20 seperti

Hassan Al-Banna, Syed Qutb dan Yusof Qardhawi. Seterusnya beliau cernakan pemikiran-pemikirannya dengan perjuangan bersama Jama'at yang penuh dugaan, serta onak dan duri namun beliau terus melangkah sehingga menghembuskan nafas terakhir pada 22 September 1979.